

**LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN
YANG TELAH DIODITKAN**

bagi

**LEMBAGA PEMASARAN
PERTANIAN PERSEKUTUAN
MALAYSIA**

1972

ANNUAL REPORT AND AUDITED ACCOUNTS

of the

**FEDERAL AGRICULTURAL
MARKETING AUTHORITY
MALAYSIA**

1972

Harga : \$ 1

**LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN
YANG TELAH DIODITKAN**

bagi

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
MALAYSIA**

1972

ANNUAL REPORT AND AUDITED ACCOUNT

Of The

**FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY
MALAYSIA**

1972



Di-Cetak Oleh:
UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD
48M, JALAN CHAN SOW LIN, KUALA LUMPUR

LAPURAN TAHUNAN 1972

Pendahuluan

Lapurian ini ialah lapuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang meliputi tahun yang berakhir pada 31hb Disember, 1972.

2. Lembaga ini telah ditubuhkan pada 30hb September, 1965 di bawah **Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965**, yang menyatakan bahawa tugas-tugas Lembaga adalah seperti berikut :—

- (a) untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan pemasaran hasil-hasil pertanian orang-orang persendirian atau badan-badan pertubuhan (samada dalam perkhidmatan Kerajaan atau swasta) yang terlibat atau mungkin terlibat di dalam sebarang bidang pemasaran hasil-hasil pertanian;
- (b) untuk menimbang dan memajukan, jika perlu, cara-cara untuk memperbaiki pasaran dan cara-cara pemasaran hasil-hasil pertanian dan untuk mencari serta memajukan pasaran dan saluran-saluran pasaran baru bagi hasil-hasil pertanian; dan
- (c) untuk bekerjasama dengan orang-orang atau badan-badan pertubuhan (samada di dalam perkhidmatan Kerajaan atau swasta) untuk memajukan pemasaran hasil-hasil pertanian supaya lebih cekap dan berkesan.

3. Untuk menjalankan tugas-tugas yang tersebut di atas Lembaga telah diberi kuasa-kuasa yang berikut :—

- (a) untuk menimbang sebarang rancangan pemasaran yang dikemukakan oleh sesiapa sahaja, ataupun dengan usaha Lembaga sendiri untuk mencadang apa-apa rancangan pemasaran;
- (b) untuk menjalankan penyelidikan dan penyiasatan-penyiasatan pemasaran, khususnya mengadakan penyiasatan-penyiasatan yang berkaitan dengan—
 - (i) kos pengeluaran, memproses, pengangkutan dan pemasaran hasil pertanian;
 - (ii) peringkat-peringkat harga, pasaran-pasaran dan kaedah-kaedah pemasaran, dan sistem memperingkat mutu;
 - (iii) Iain-lain perkara yang ada kaitannya dengan pemasaran hasil-pertanian;
- (c) untuk mengenakan syarat supaya orang-orang yang menjalankan pengeluaran atau pemasaran hasil pertanian yang tertakluk kepada mana-mana rancangan pemasaran, supaya mendaftar dan memberi maklumat berkaitan dengan hasil pertanian yang berkenaan, mengenai apa yang difikirkan perlu oleh Lembaga; dan
- (d) untuk menjalankan apa juga yang dianggap patut oleh Lembaga supaya utgas-tugas yang terkandung di dalam Aktanya dapat dijalankan dengan berkesan.

4. Lembaga adalah **bertanggungjawab** kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan dalam menjalankan tugas-tugas dan **tanggungjawab**-nya. Lembaga dibayai oleh Kerajaan melalui pemberian wang secara **langsung** untuk perbelanjaan pentadbiran dan **pembangunan**.

Ahli Lembaga

5. Lembaga sebagaimana yang tercatit di bawah Seksyen 2 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965, mempunyai 12 orang **ahli**. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dilantik oleh D.Y.M.M. Sen Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung. Sepuluh orang **ahli-ahli** lain yang terdiri dari 5 orang ahli resmi dan 5 orang ahli tidak resmi dilantik oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Perikanan. Datuk Haji Abdullah bin Mahmood, S.J.M.K., D.P.M.K., J.M.N., telah dilantik semula sebagai Pengerusi Lembaga bagi tempoh satu tahun **bermula** dari 1hb November, 1971. Timbalan Pengerusi ialah Encik Abdul Rahman bin Haji Yusof, A.M.N. Ahli-ahli yang **berikut** telah dilantik **dalam** tahun 1971 untuk tempoh 2 tahun **mulai** dari 1hb Oktober, 1971.

Ahli-ahli Resmi

Wakil Kementerian Pertanian dan Perikanan

— Encik Abdul Rahman bin **Pilus**

Wakil Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar

— Y.B. Datuk Harun bin **Ariffin**

Wakil Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

— Encik Mohd. Saadullah b. **Suhaimi** (hingga 31.7.72)

— Tuan Dr. Syed Hussain Wafa (hingga 1.8.72)

Wakil Perbendaharaan

— Encik Alias Sulaiman

Wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

— Encik Yahaya Haji **Talib**

Ahli-ahli Tidak Resmi

Encik Abdul Rahman bin Abdul Hamid

Y.B. Tan Sri Said Keruak

Y.M. Raja Khalid bin Raja Harun

Y.B. Encik Lat bin Kassim

Y.B. Encik Hisan bin Ibrahim

Mesyuarat-mesyuarat Lembaga

6. Bagi tahun 1972, Lembaga telah **bersidang** sebanyak 7 kali, dan **Jawatan-kuasa Kerja** Lembaga bersidang 5 kali.

7. Berikut adalah ahli-ahli Jawatankuasa Kerja :—

Pengerusi

Timbalan Pengerusi

Wakil Kementerian Pertanian dan Perikanan

Wakil Perbendaharaan

Wakil Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Encik Abdul Rahman bin Abdul Hamid

Y.M. Raja Khalid bin Raja Harun

Kakitangan

8. Di akhir tahun 1972, kakitangan Lembaga berjumlah 146 orang semuanya.

9. Dua orang pegawai kanan Lembaga telah menghadiri satu kursus Instituti Pengurusan Malaysia mengenai “Perhubungan Bertulis di dalam Urusan Perniagaan, khususnya mengenai Penulisan Lapuran” yang diadakan dari 5hb hingga 6hb Disember, 1972.

10. Seorang Ahli Ekonomi telah dipilih untuk menghadiri satu kursus mengenai “Belanjawan Tahunan” dan “Prinsip-prinsip dan Mekanik-mekanik Pengawalan Belanjawan” yang diadakan di Instituti Pengurusan Malaysia dari 16hb hingga 17hb November, 1972.

11. Seorang lagi Ahli Ekonomi telah menghadiri satu kursus 3 minggu bagi ahli-ahli professional di Instituti Tadbiran Awam Negara (INTAN) dari 27hb November hingga 23hb Disember, 1972.

Kursus ‘Refresher’

12. Lembaga telah mengaturkan satu kursus ‘Refresher’ untuk Merinyumerinyu Pemasaran, Pembantu Penyelidik, Penolong Merinyu Pemasaran dan Penolong Pemberita Pemasaran dari 22hb November hingga 28hb November, 1972. Peserta-peserta telah diberi taklimat mengenai kemajuan-kemajuan Lembaga yang terbaru.

Pejabat-Pejabat Wilayah

13. Bagi tahun yang dilapurkan, 7 buah Pejabat Wilayah telah dibuka di seluruh negara, dan ini termasuk Raub, Batu Pahat, Alor Star, Kuala Kangsar, Kangar, Kuala Selangor dan Telok Datuk, Banting.

Rancangan-rancangan Memperbaiki Pasaran Padi

14. Bermula dari 1hb Januari, 1972 FAMA telah menyerahkan semua kuasa-kuasa dan tanggungjawabnya mengenai pemasaran padi dan beras kepada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Bagaimanapun, untuk melicinkan peralihan tersebut, FAMA telah meneruskan kerja-kerja pembinaan komplek mengering dan mengilang padi Peringkat II di bawah Projek Muda.

Ikan

15. Di dalam tahun yang dilapurkan ini, Jemaah Pemasaran Ikan telah memulakan aktiviti-aktiviti pembinaan dua buah komplek ikan di Kuala Trengganu dan Kuching. Tujuan pembinaan komplek-komplek ini ialah untuk memperbaiki dan memudahkan pendaratan, pengelolaan dan penyebaran ikan. Komplek-komplek ikan ini merupakan sebahagian daripada projek pemasaran bagi memajukan pemasaran ikan di kedua-dua pusat pengeluaran ikan yang berkenaan dengan matalamat untuk menentukan pulangan yang adil kepada nelayan-nelayan.

16. Jemaah tersebut, secara perkongsian dengan PMINT Trengganu, telah menubuhan sebuah syarikat usaha-bersama yang dikenali sebagai Pertima Trengganu Sendirian Berhad di dalam bulan Mac, 1972 untuk memproses ikan di Kuala Trengganu. Modal syarikat ini yang dibenarkan ialah \$1 juta.

17. Tujuan projek memproses tersebut ialah untuk meluaskan saluran-saluran pasaran ikan di Pantai Timur, terutama bagi jenis Tongkol, Selayang dan Tamban, yang pada musimnya ditangkap dengan banyak, supaya harga-harga kepada nelayan dapat disetabil dan diperbaiki. Bagi permulaan, Pertima telah mengeluarkan ikan di dalam tin dengan menggunakan kemudahan-kemudahan memproses yang disediakan oleh Bahagian Kajiteknik Makanan di Kuala Trengganu, secara sementara.

18. Di dalam bulan April, 1972 Jemaah juga menubuhan satu syarikat usaha-bersama yang dikenali dengan "Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia Berhad" secara perkongsian dengan beberapa pihak perusahaan ikan untuk menjalankan perniagaan ikan dan lain-lain aktiviti yang berkaitan. Modal syarikat ini yang dibenarkan ialah \$5 juta, dan ia memulakan aktiviti perniagaan ikan di dalam bulan September 1972 apabila syarikat tersebut turut serta di dalam perniagaan ikan di Pulau Langkawi, Kuantan, Kuala Pahang dan Pulau Redang.

19. Dalam bulan Oktober, 1972 Jemaah telah mengadakan satu rancangan pemasaran untuk mengawal aktiviti peraih-peraih ikan di Kuala Lumpur. Tujuan utama rancangan kawalan ini adalah untuk mendapatkan maklumat pasaran dan untuk menentukan harga-harga ikan yang diterima oleh pengirim-pengirim. Di dalam masa yang dilapurkan, Jemaah juga sedang membuat persiapan untuk mengadakan rancangan kawalan yang sama di Ipoh.

Kopi

20. Untuk mengatasi masaalah dalam pemasaran kopi, satu Rancangan Pemasaran Kopi yang meliputi kedua-dua aspek pengawalan dan perniagaan telah ditetap dan diwartakan oleh Y.A.B. Menteri Pertanian dan Perikanan pada 30hb Disember, 1971 bagi Negeri Selangor. Rancangan tersebut, yang diurus dan dikawal oleh Jemaah Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian, mengadakan peruntukan untuk melesen semua peraih-peraih kopi yang membeli buah atau biji kopi untuk dijual semula. Rancangan pelesenan ini bermula dalam suku-tahun yang ketiga tahun 1972. Di dalam masa yang dilapurkan, kerja-kerja pembinaan sebuah pusat memproses buah kopi di Kanchong Darat, Kuala Langat, telah dimulakan.

Lada Hitam

21. Rancangan Pemasaran Lada Hitam telah ditetapkan pada 1hb Mac, 1972 dan dilaksana dan diuruskan oleh Jemaah Pemasaran Lada Hitam. Rancangan ini mengadakan peruntukan bagi melesen dan mengawal pembelian dan penyimpanan lada hitam dan mengadakan pemeringkatan mutu berkanun lada hitam untuk eksport. Pengawalan dan pengawasan pemasaran lada hitam di pasaran dalam negeri bertujuan untuk membantu petani-petani mendapatkan pulangan yang adil menerusi usaha-usaha untuk memperbaiki cara dan amalan penjualan hasil mereka. Untuk membolehkan Jemaah Pemasaran Lada Hitam menjalankan pemeringkatan mutu berkanun, pusat-pusat memperingkat mutu dan memproses lada hitam akan didirikan di Kuching, Sarikai dan Johor Bahru.

Kelapa

22. Lembaga telah membentuk Rancangan Pemasaran Kelapa yang telah diwartakan di bawah Seksyen 4 Akta FAMA, 1965 pada 14hb Disember, 1972. Pandangan-pandangan dan bantahan-bantahan telah diterima dari orang-ramai mengenai peruntukan Rancangan ini yang kemudian telah dipindah di mana perlu.

23. Rancangan ini, yang meliputi kedua-dua ciri pengawalan dan perniagaan, telah diadakan untuk menyelesaikan masaalah-masaalah yang terdapat di dalam perusahaan kelapa, terutamanya di sektor pekebun-pekebun kecil. Tujuan utama rancangan pelesenan atau pengawalan ini ialah untuk memastikan supaya petani-petani mendapat pulangan yang adil bagi hasil mereka dengan mengurangkan amalan-amalan yang curang di dalam memperingkat-mutu, menimbang dan lain-lain aktiviti yang berkaitan. Di bawah Rancangan ini juga, pusat-pusat memproses kelapa akan didirikan di kawasan-kawasan kelapa yang utama di Malaysia. Pusat-pusat ini akan mempunyai kemudahan-kemudahan untuk memproses kelapa kering yang bermutu tinggi selain dari menyediakan saluran-saluran pasaran tambahan kepada petani-petani.

Penyiasatan dan Penyelidikan

24. Beberapa penyiasatan dan penyelidikan telah dijalankan sebagai sebahagian daripada tujuan Lembaga untuk mengadakan satu program yang lengkap mengenai penyiasatan dan penyelidikan pemasaran dengan tujuan untuk menyenangkan usaha kemajuan rancangan-rancangan pemasaran dan pembentukan dasar pemasaran yang berkesan. Bagi masa yang dilapurkan, penyiasatan dan pengajian yang berikut telah dijalankan :—

(a) Penyiasatan Pemasaran Ikan, Kuala Trengganu

Penyiasatan yang di atas telah dijalankan dari bulan Januari hingga Mac, 1972 dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai perjalanan semua perantara-perantara pasaran yang terlibat di dalam perusahaan ikan di daerah Kuala Trengganu, dan bagi perlaksanaan projek pemasaran ikan di kawasan tersebut.

(b) Penyiasatan Pemasaran Ternakan Ayam, Seberang Prai

Di dalam bulan Januari, 1972 Lembaga telah mengadakan satu Penyiasatan Pemasaran Ternakan Ayam untuk mengetahui kedudukan dan masaalah-

masaalah berhubung dengan pengeluaran hasil ternakan dan telur ayam untuk memberi panduan bagi usaha mengaturkan pemasaran.

(c) Penyiasatan Saluran Pasaran, Kuala Lumpur

Satu penyiasatan untuk mendapatkan maklumat mengenai saluran pasaran berbagai jenis sayur-sayuran, buah-buahan, telur dan lain-lain bahan keperluan telah dijalankan dari 8hb September hingga 3hb Oktober, 1972.

(d) Penyiasatan Pendapat Pengguna Mengenai Kegemaran Buah-buahan Tempatan, Kuala Lumpur

Dari pertengahan bulan Oktober hingga 22hb Disember, 1972 FAMA telah menjalankan satu penyiasatan untuk menilai ke setakat manakah kejayaan yang dicapai oleh kempen buah-buahan yang dijalankan oleh Lembaga untuk menggalakkan penggunaan buah-buahan tempatan dan juga untuk menentukan cara yang mempunyai kesan yang paling kuat ke atas orang-ramai.

(e) Penyiasatan Pemasaran Buah-buahan, Perak

Untuk menentukan sistem pemasaran buah-buahan di Perak terutama di daerah-daerah buah-buahan utama dan untuk mengutip maklumat bersabit dengan pelaksanaan Rancangan Pemasaran Buah-buahan, Lembaga telah menjalankan penyiasatan yang di atas dari 15hb November, 1972 hingga 6hb Januari, 1973.

(f) Koko

Kajian permulaan ke atas pengeluaran dan pemasaran koko telah dijalankan dengan tujuan untuk mengetahui keperluan-keperluan kemudahan memproses dan pemasaran koko, termasuk langkah-langkah pengawalan, jika perlu.

(g) Kacang Tanah

Satu kajian pemasaran kacang tanah di Perak dan satu kajian kemungkinan untuk membina sebuah kilang yang sederhana besarnya di Pantai Timur telah selesai dijalankan dalam tahun 1972.

Jawatankuasa Bertindak Mengenai Tembakau

25. Sebagai ahli Jawatankuasa Bertindak Mengenai Tembakau, Lembaga telah membantu Jawatankuasa tersebut di dalam menentukan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memastikan kemajuan perusahaan tembakau yang sihat, termasuk penubuhan Lembaga Tembakau Negara.

Jawatankuasa Bertindak Mengenai Ternakan Ayam dan Telur

26. Lembaga juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Bertindak Mengenai Ternakan Ayam dan Telur yang telah ditubuhkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan, dengan tujuan untuk meninjau masaalah-masaalah perusahaan ternakan ayam dan merangka langkah-langkah bagi menggalakkan kemajuan perusahaan tersebut.

Perisik dan Kemajuan Pasaran

27. Aktiviti utama Perisik Pasaran dalam tahun 1972 mengandungi pengumpulan, penyusunan, penerbitan dan penyebaran harga-harga **hasil-hasil** per-

tanian di peringkat ladang, borong dan runcit, serta petikan-petikan kajian barang. Warta Barangian Bulanan (dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris) dan Perangkaan Barangian Suku Tahun terus diterbitkan.

28. Kempen 'Lebihkan Makan Buah-Buahan Tempatan' telah diperhebatkan dan dijalankan terus-menerus sepanjang tahun, terutamanya menerusi :—

(1) **Alat Sebaran Am**

- (a) T.V. Malaysia telah menayangkan 'still slides' menggalakkan penggunaan buah-buahan tempatan, menayangkan program masak-memasak yang menggunakan buah-buahan tempatan dan juga mengatur forum mengenai buah-buahan tempatan.
- (b) Radio Malaysia telah menyiarkan cogankata-cogankata menggalakkan penggunaan buah-buahan tempatan dan mengadakan temuramah dan forum mengenai buah-buahan tempatan.

(2) **Pamiran**

Lembaga telah mengambil bahagian di dalam beberapa pamiran di peringkat daerah dan negeri dengan tujuan untuk menggalakkan penggunaan buah-buahan tempatan.

(3) **Penerbitan**

- (a) Risalah-risalah galakan pasaran termasuk buku-buku resipi mengenai buah-buahan tempatan telah dicetak semula untuk disebarluaskan di dalam tahun yang dilapurkan.
- (b) Poster-poster telah dibahagikan ke sekolah-sekolah, hotel-hotel dan restoran-restoran, dan pelekat-pelekat mengenai buah-buahan tempatan telah dikeluarkan untuk disebarluaskan kepada pemandu-pemandu kereta. Kalendar yang menunjukkan buah-buahan tempatan telah juga dikeluarkan di akhir tahun tersebut.

(4) **Pertunjukan Masak Memasak**

Pertunjukan masak-memasak dengan menggunakan buah-buahan tempatan telah diadakan bagi ahli-ahli pertubuhan wanita di semua negeri di Malaysia Barat.

(5) **Simposium**

Satu simposium mengenai buah-buahan tempatan telah diadakan oleh FAMA dari 17hb hingga 20hb Julai, 1972 di Dewan Bahasa dan Pustaka. Peserta-peserta dan pemerhati-pemerhati dari beberapa pertubuhan awam dan swasta yang mempunyai hubungan dengan pengeluaran, pemasaran, pemerosesan dan penggunaan buah-buahan tempatan. Simposium ini telah diadakan sebagai sebahagian daripada kempen 'Lebihkan Makan Buah-Buahan Tempatan' Lembaga. Bersama-sama dengan simposium tersebut, satu pamiran buah-buahan telah diadakan yang disertai oleh sektor awam dan swasta.

Perkhidmatan Mengatur Pasaran

29. Lembaga telah terus memberi bantuan kepada petani-petani untuk memasarkan hasil mereka menerusi perkhidmatan mengatur pasaran. Dengan pertolongan Pejabat-pejabat Wilayah FAMA di Kota Bharu, Kuala Trengganu, Kuantan, Kangar, Alor Star, Butterworth, Kuala Kangsar, Ipoh Melaka dan Batu Pahat dan Johor Bahru, Lembaga dapat menolong lebih daripada 4,000 orang petani, secara perseorangan atau menerusi pertubuhan-pertubuhan mereka, di dalam memasarkan lebih kurang \$800,000 hasil pertanian. Petani-petani ini telah mendapat harga yang lebih baik menerusi perkhidmatan ini atau mendapat pasaran bagi hasil mereka yang mereka tidak dapat pasarkan dengan sendiri. Selain daripada faedah secara langsung yang didapati oleh petani-petani yang menjual hasil mereka menerusi Lembaga ini, petani-petani di dalam kawasan-kawasan yang berhampiran juga secara tidak langsung mendapat faedah dari perkhidmatan ini menerusi persaingan yang ditawarkan.

Penerbitan

30. Lembaga telah terus menerbitkan majalah ekonomi pertaniannya "Kajian Ekonomi Pertanian Malaysia, Jilid 4, Bil. 1 dan 2" di dalam masa yang dilapurkan. Selain daripada itu, dua laporan penyiasatan iaitu Penyiasatan Pemasaran Jagung Kuala Brang dan Penyiasatan Kos Pengeluaran dan Pemasaran Kacang Tanah di Pasir Mas dan Kota Bharu; Majalah Suku-Tahun; dan Berita FAMA telah juga dicetak.

Kira-kira Tahunan

31. Kira-kira Lembaga yang telah diodit dikepilkhan bersama-sama ini.

(Sgd.)

DATUK HAJI ABDULLAH BIN MAHMOOD.
S.J.M.K., D.P.M.K., J.M.N.,
Pengerusi,
*Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan.*

(Sgd.)

ENCIK ABDUL RAHMAN BIN
HAJI YUSOF, A.M.N.,
Timbalan Pengerusi,
*Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan.*

ANNUAL REPORT 1972

Introduction

This is a report of the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA), covering the year ending 31st December, 1972.

2. The Authority was established on the 30th September, 1965, under the Federal Agricultural Marketing Authority Act, 1965, which provides that the functions of the establishment shall be as follows :—

- (a) to co-ordinate the activities in respect of the marketing of agricultural produce, of the various persons or bodies of persons (whether incorporate or unincorporate, and whether in the public services or otherwise) which are or might be concerned with any aspect of the marketing of agricultural produce;
- (b) to consider, and to promote where necessary and desirable, ways and means by which existing markets and methods of marketing of agricultural produce might be improved, and to seek and promote new markets and outlets for agricultural produce; and
- (c) to collaborate with persons or bodies of person (whether incorporate or unincorporate, and whether in the public services or otherwise) to promote efficient and effective marketing of agricultural produce.

3. To carry out the above functions, the Authority is vested with the following powers :—

- (a) to consider any marketing scheme by whomsoever submitted, or on its own motion to propose any marketing scheme;
- (b) to cause to be carried out marketing research and investigations and in particular, to cause to be conducted enquiries relating to —
 - (i) cost of production, processing, transportation and marketing of agricultural produce;
 - (ii) price levels, markets and marketing methods, and system of grading;
 - (iii) any other matter relating to the marketing of agricultural produce;
- (c) to require persons engaged in the production or marketing of any agricultural produce, in respect of which a marketing scheme has been prescribed to register and to give in such manner as the Authority may specify such information with respect to such produce as the Authority may deem necessary; and
- (d) to do such other things as the Authority deems fit for the effective carrying out of its functions under this Act.

4. The Authority is responsible to the Hon'ble Minister of the Ministry of Agriculture and Fisheries for the conduct of its functions and responsibilities. It is financed by the Government through direct grants in respect of administrative and development expenditure.

Constitution of the Authority

5. The Authority, as constituted under Section 2 of the Federal Agricultural Marketing Authority Act, 1965, comprised 12 members. The Chairman and the Deputy Chairman are appointed by the D.Y.M.M. Sri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung. The other 10 members consisting of 5 official members and 5 unofficial members are appointed by the Hon'ble Minister of Agriculture and Fisheries. Datuk Haji Abdullah bin Mahmood, S.J.M.K., D.P.M.K., J.M.N., was re-appointed as Chairman of the Authority for a one-year term with effect from the 1st November, 1972. The Deputy Chairman is Encik Abdul Rahman bin Haji Yusof, A.M.N. The following members were appointed in 1971 for a two-year term with effect from the 1st October, 1971.

Official Members :

| | |
|--|--|
| <i>Representative of the Ministry of Agriculture and Fisheries</i> | — Encik Abdul Rahman bin Pilus |
| <i>Representative of the Ministry of National & Rural Development</i> | — Y.B. Datuk Harun bin Ariffin |
| <i>Representative of the Economic Planning Unit, Prime Minister's Department</i> | — Encik Mohd. Saadullah bin Suhaimi (till 31.7.72) — Tuan Dr. Syed Hussain Wafa (till 1.8.72) |
| <i>Representative of the Treasury</i> | — Encik Alias Sulaiman |
| <i>Representative of the Ministry of Trade and Industry</i> | — Encik Yahaya Haji Talib |

Unofficial Members :

Encik Abdul Rahman bin Abdul Hamid
Y.B. Tan Sri Said Keruak
Y.M. Raja Khalid bin Raja Harun
Y.B. Encik Lat bin Kassim
Y.B. Encik Hisan bin Ibrahim

Meetings of the Authority

6. For the year 1972, the Authority met 7 times while 5 meetings were held by the Executive Committee of the Authority.

7. The following were members of the Executive Committee :—
 - The Chairman
 - The Deputy Chairman
 - The Representative of the Ministry of Agriculture and Fisheries
 - The Representative of the Treasury
 - The Representative of the Economic Planning Unit
 - Encik Abdul Rahman bin Abdul Hamid
 - Y.M. Raja Khalid bin Raja Harun

Staff

8. At the end of 1972, the Authority had a total establishment of 146 staff.
9. Two senior officers of the organisation attended a Malaysian Institute of Management course on "Written Communication in Business with Emphasis on Report Writing" held from the 5th to 6th December, 1972.
10. An Economist was selected to attend a course on "Annual Budgetry" and the "Principles and Mechanics of Budgetry Control" held at the Malaysian Institute of Management from the 16th to 17th November, 1972.

11. Another Economist attended a 3-week Basic Course for professionals at the Institiut Tadbiran Awam Negara (INTAN) from the 27th November to 23 December, 1972.

Refresher Course

12. The Authority organised a Refresher Course for Marketing Inspectors, Research Assistants, Assistant Marketing Inspectors and Market Information Assistants from the 22nd November to the 28th November, 1972. The participants were briefed on the latest development of the organisation.

Regional Offices

13. For the year under review, 7 Regional Offices were opened throughout the country, and these included Raub, Batu Pahat, Alor Star, Kuala Kangsar, Kangar, Kuala Selangor and Teluk Datok, Banting.

Market Improvement Schemes

Padi

14. With effect from 1st January, 1972, FAMA handed over all powers and responsibilities regarding padi and rice marketing to the National Padi and Rice Authority (LPN). However, to facilitate the transfer, FAMA continued with the construction of the Phase II padi drying and milling complexes under the Muda Project.

Fish

15. During the year under review, the Fish Marketing Board commenced activities on the construction of fish complexes in Kuala Trengganu and Kuching. The purpose of establishing these complexes was to improve and

facilitate the landing, handling and distribution of fish. These marketing complexes were intended to form part of the marketing project to improve the marketing of fish in these two production centres with the objective of ensuring fair returns to the fishermen.

16. The Board, in partnership with the Trengganu SEDC, set up a joint-venture company known as Pertima Trengganu Sendirian Berhad in March 1972 to process fish in Kuala Trengganu. The authorised capital of the company was \$1 million.

17. The objective of the processing project was to expand the market outlets for fish in the East Coast, in particular Tongkol, Selayang and Tamban, which are caught in abundance seasonally in order to stabilise and improve prices to fishermen. For a start, Pertima produced canned fish using the processing facilities of the Division of Food Technology in Kuala Trengganu on a temporary basis.

18. In April 1972, the Board also set up a joint-venture company known as "Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia Berhad" in partnership with the different sections of the fish industry to undertake fish trading and other related activities. The authorised capital of this company was \$5 million, and it commenced fish trading activities in September 1972 when the company participated in fish trading in Pulau Langkawi, Kuantan, Kuala Pahang and Pulau Redang.

19. In October 1972, the Board introduced a marketing scheme to regulate the activities of fish dealers in Kuala Lumpur. The immediate objective of the regulatory scheme was to obtain market information and to verify fish prices received by consignors. During the period under review, the Board also made preparations for the introduction of a similar regulatory scheme in Ipoh.

Coffee

20. To overcome the problem in the marketing of coffee, a Coffee Marketing Scheme, incorporating both regulatory and trading features, was prescribed and gazetted for Selangor by Y.A.B. the Minister of Agriculture and Fisheries on 30th December, 1971. The Scheme, managed and controlled by the Agricultural Produce Marketing Board, provides for the licensing of all coffee dealers who purchase either berries or beans for resale. The licensing scheme commenced in the third-quarter of 1972. During the period under review, construction work began on the coffee berry processing centre at Kanchong Darat, Kuala Langat.

Pepper

